



# **JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK**

**PAR-JKSPk-03**

## **POLISI ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

**Disediakan Oleh:**

.....  
**YA Tuan Mohd Ridzuan bin  
Yusof**

**Pegawai Integriti  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Perak**

**Tarikh: 03/06/2025**

**Diluluskan Oleh :**

.....  
**YAA Dato' Ab Rahman  
Thobroni bin Mohd Mansor**

**Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Perak**

**Tarikh: 03/06/2025**

## 1. PENGENALAN

1.1 Aduan Kelakuan Tidak Wajar (*Whistleblowing*) merupakan satu kaedah penyaluran maklumat dibuat oleh “Pemberi Maklumat” mengenai apaapa “Kelakuan Tidak Wajar” yang berlaku di jabatan. Polisi ini dibangunkan merujuk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Akta 711) dan Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) di dalam memenuhi keperluan yang dinyatakan di dalam Klausula 8.9 Standard ISO 37001:2025.

1.2 Tujuan polisi ini dibangunkan adalah:

- i. Untuk menggalakkan warga JKSPk serta mana-mana orang awam tampil member maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar.
- ii. Untuk memastikan pendedahan dibuat seawall mungkin mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- iii. Untuk melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindak balas akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.
- iv. Supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan kelakuan tidak wajar oleh warga JKSPk atau manamana orang awam.

1.3 Pada masa yang sama, polisi ini juga akan memastikan setiap individu menggunakan hak mereka secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki Kelakuan Tidak Wajar akan berlaku, sedang berlaku atau telah berlaku.

1.4 Oleh itu, semua pihak digalakkan untuk berani tampil sebagai Pemberi Maklumat untuk menyalurkan aduan berkaitan Kelakuan Tidak Wajar mengikut saluran yang disediakan.

## **2. TAFSIRAN**

2.1 “Kelakuan Tidak Wajar” ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

2.2 “kesalahan tatatertib” ertinya apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan;

2.3 “maklumat sulit” termasuklah —

a) Maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya —

(i) seseorang pemberi maklumat; dan

(ii) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar.

b) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan

c) maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

2.4 “Pemberi Maklumat” ertinya mana-mana orang yang menyalurkan maklumat kelakuan tidak wajar kepada pegawai yang dilantik JKSPk (Pegawai Integriti).

### **3. KELAKUAN TIDAK WAJAR YANG PERLU DILAPORKAN**

3.1 Sesuatu laporan hendaklah dibuat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar seperti berikut:

- a) Rasuah atau penipuan;
- b) Kesalahan jenayah;
- c) Salah guna wang atau harta JKSPk;
- d) Kesalahan tata tertib;
- e) Kesilapan pengurusan yang melampau dalam JKSPk;
- f) Ketirisan kewangan dalam JKSPk;
- g) Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- h) Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan mana-mana kesalahan di atas.

3.2 Aduan hendaklah tidak bersifat :

- a) remeh atau tidak serius;
- b) berniat jahat atau didorongi oleh agenda peribadi;
- c) melibatkan pendedahan atau maklumat palsu;
- d) Pendedahan dengan motif untuk mengelakkan tindakan tata tertib; dan
- e) Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui prosiding tata tertib JKSPk, atau pihak berkuasa atau mahkamah atau mana-mana prosiding yang serupa.

### **4. PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

4.1 Pemberi Maklumat boleh melaporkan dengan apa-apa maklumat samaada secara lisan atau bertulis berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam Kelakuan Tidak Wajar.

4.2 Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar hendaklah dibuat dengan niat suci hati, bukan palsu, bukan berniat jahat atau bersifat fitnah. Pendedahan itu hendaklah berdasarkan kepada fakta dan pembuktian sewajarnya. Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar hendaklah dibuat kepada Pegawai Integriti JKSPk dengan menggunakan mana-mana saluran seperti berikut:

- a) Hadir secara bersemuka bertemu Pegawai Integriti JKSPk;
- b) e-mel :
- c) Surat kepada Pegawai Integriti JKSPk.

4.3 Pemberi Maklumat perlu memberikan maklumat sulit dengan lengkap dan jelas seperti berikut:

- a) Butir-butir Pemberi Maklumat seperti nama, Nombor Kad Pengenalan, alamat, nombor telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklum balas lanjut;
- b) Identiti pihak yang terlibat dan keterangan tentang Kelakuan Tidak Wajar seperti perincian kesalahan, tarikh, lokasi, dan lainlain maklumat yang difikirkan berkaitan serta dokumen-dokumen sokongan; dan
- c) Suatu maklumat tidak boleh ditolak kerana ketiadaan mana-mana butir atau perincian melainkan jika aduan itu menjadi mustahil atau tidak mungkin dapat dinilai tanpa butiran atau perincian sedemikian dan bergantung kepada siasatan serta penelitian jawatankuasa penilai aduan yang dilantik

4.4 Jika laporan Kelakuan Tidak Wajar melibatkan Ketua Jabatan atau pengurusan tertinggi jabatan dan Pegawai Integriti JKSPk, Pemberi Maklumat dinasihatkan untuk membuat aduan terus kepada Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK), Negeri Perak atau

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia atau Agensi Penguatkuasa yang dinyatakan dalam Akta 711.

## **5. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

5.1 Setelah laporan dibuat, berlandaskan sebab-sebab munasabah:

- a) Identiti dan butiran Pemberi Maklumat akan dilindungi kerahsiannya oleh Pegawai Integriti JKSPk. Identiti pihak yang diadu dan maklumat aduan akan dimaklumkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja;
- b) Pemberi Maklumat dikalangan Pegawai dan kakitangan jabatan akan dilindungi dari tindakan balas dalaman JKSPk sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dilaporkan seperti tindakan tatatertib, pertukaran penempatan, implikasi penilaian prestasi tahunan dan apa-apa yang berkenaan;
- c) Jika Pemberi Maklumat menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut secara terus kepada Pegawai Integriti JKSPk atau Agensi Penguatkuasa Akta 711 yang berkaitan.

5.2 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat berdasarkan Polisi ini akan terbatal jika mana-mana Pemberi Maklumat telah mendedahkan maklumat atau mana-mana bahagian maklumat berkaitan dengan Kelakuan Tidak Wajar itu kepada mana-mana pihak selain daripada Pegawai Integriti atau mana-mana pihak yang disebutkan seperti di atas.

- 5.3 Perlindungan sepenuhnya kepada Pemberi Maklumat di bawah polisi ini, Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar secara terus kepada Agensi Penguatkuasa seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 711.

## **6. PENYIASATAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

Penyiasatan aduan Kelakuan Tidak Wajar dan tindakan lanjut yang diambil akan dilaksanakan merujuk kepada Prosedur Aduan Kelakuan Tidak Wajar JKSPk.